

14/07/1999

Cyberjaya bukti kerjasama sektor awam, swasta

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pembukaan bandar raya pintar Cyberjaya melambangkan langkah penting merealisasikan visi mewujudkan ekonomi dan masyarakat bermaklumat.

Menurutnya, Cyberjaya akan memainkan peranan penting membentuk kewibawaan dan kemampuan generasi muda untuk bersaing dalam arena global.

"Pembukaan rasmi Cyberjaya membuktikan kejayaan kerjasama antara sektor awam dan swasta disamping menunjukkan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak terjejas walaupun ketika kegawatan ekonomi,' katanya ketika berucap merasmikan pembukaan bandar raya pintar Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata, pembinaan Cyberjaya melalui inisiatif MSC dapat menyumbang kepada pembangunan dan pembentukan masyarakat multimedia dan teknologi maklumat (IT) di seluruh dunia dan membantu rantau ini bersedia menghadapi kedatangan era maklumat.

"MSC adalah enjin pembangunan ekonomi kedua negara yang mana ia akan memacu negara dengan cepat ke arah pembentukan negara maju menjelang tahun 2020,' katanya.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan sektor perkhidmatan teknologi tinggi di Amerika Syarikat hanya menyumbangkan 5.5 peratus daripada keseluruhan Keluaran Negara Dalam Kasar dalam tahun 1997 namun dalam masa dua tahun ia berkembang sebanyak 40 peratus.

(END)